

Bekas TPM Kemboja perlu keluar segera

BH 5 AUG 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu bekas Timbalan Perdana Menteri Kemboja, Putera Norodom Chakrapong, meninggalkan Malaysia segera kerana tidak mahu negara ini dijadikan pangkalan sebarang revolusi.

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan jelas dan muktamad iaitu Chakrapong mesti meninggalkan negara ini sebelum Perdana Menteri Kemboja, Putera Norodom Ranariddh, melawat Kuala Lumpur, pertengahan bulan ini.

“Kita sedia memberi perlindungan kepada seseorang dengan syarat dia tidak menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk mengambil tindakan terhadap negaranya.

“Kita bukan tempat untuk dijadikan pangkalan untuk apa-apa revolusi,” katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994, di sini, hari ini.

Pada 13 Julai lalu, Kabinet memutuskan meminta Chakrapong meninggalkan Malaysia pada waktu yang sesuai selepas negara ketiga bersetuju menerimanya.

Perancis dikatakan bersetuju menerima Chakrapong.

Chakrapong datang ke Malaysia 3 Julai selepas dikatakan mengetuai percubaan merampas kuasa yang gagal di Kemboja.

Bekas Menteri Dalam Negeri Kemboja, Jeneral Sin Song turut ditahan oleh Phnom Penh.

Ditanya apakah ada bukti Chakrapong menjadikan negara ini pangkalan kegiatan revolusi, Dr Mahathir berkata:

“Setakat yang saya tahu, dia nampaknya terbabit dengan cubaan menjatuhkan Kerajaan Kemboja dan sebelum dia terbabit, dia sudah diberi perlindungan,” katanya.

Pada 25 Julai lalu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, berkata Wisma Putra sedia membantu Chakrapong berlepas ke Perancis secepat mungkin.